

13 AUG 2001

YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG LAWAT LANGKAWI

LANGKAWI, 13 Ogos (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas tiba di sini hari ini dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari ke pulau peranginan ini.

Ketibaan beliau bersama isteri Toh Puan Hajah Majimor Shariff di lapangan terbang antarabangsa Langkawi disambut oleh anggota Exco Kerajaan Kedah Datuk Md Hasan Bulat, Pegawai Daerah Rasli Basir dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim, pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat di sini.

Abdul Rahman dan isteri yang tiba dengan pesawat Penerbangan Malaysia diberi sambutan permaidani merah dan diiringi dengan perarakan bunga manggar dan muzik tradisional.

Pada sebelah petang, beliau dijangka mendengar taklimat mengenai program pembangunan Langkawi di Kompleks Lada sebelum meninjau projek perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan puncak Gunung Machincang setinggi 708 meter dengan stesen pangkalan di kompleks beli-belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau di sini.

Esok, Abdul Rahman dan rombongan dijangka melawat Galeria Perdana, kompleks yang menghimpunkan lebih 3,000 koleksi cenderamata yang diterima Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada pemimpin luar negara dan tempatan.

Beliau juga dijangka melawat tempat tumpuan helang di Sungai Kilim sebelum dibawa ke Galeri Yayasan Ibrahim Hussein di Pantai Pasir Tengkorak.

Pada hari terakhir lawatannya Rabu ini, beliau dijadual melawat Makam Mahsuri dan mercu tanda pulau peranginan ini, Dataran Helang sebelum bermain golf di Gunung Raya Golf Club, puncak tertinggi di Langkawi.

-- BERNAMA

NH NMO